

# FAIZ TAWAN NEGERI SEMBILAN

Kejohanan Angkat Berat Kebangsaan yang berlangsung pada 26 hingga 30 November 2010 di Negeri Sembilan telah menyaksikan seorang staf Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Mohd Faiz Musa berjaya merangkul 2 pingat emas. Beliau yang bertugas sebagai Pembantu Tadbir (P/O) di Pusat Kokurikulum telah mengharumkan nama UniMAP dengan memenangi pingat Emas bagi kategori 105 kg (Lelaki) dalam dua acara iaitu acara Snatch dan acara Clean And Jerk. Segala keringat dan usaha beliau akhirnya berbaloi dan diharap beliau akan terus berlatih menempa nama di arena antarabangsa. Syabas dan tahniah diucapkan.

